

Empat sah positif jangkitan *leptospirosis* selepas mengunjungi kawasan perkelahan

Seorang lagi maut kencing tikus

Kosmo 5/08/2010 M/S 4

ALOR SETAR - Seorang kakitangan Jabatan Kesihatan Pulau Pinang mati manakala empat yang lain disahkan positif bakteria *Leptospira* atau air kencing tikus di negeri ini.

Pengarah Kesihatan Kedah, Dr. Marzukhi Md. Isa berkata, mangsa yang berumur 30-an dikatakan terkena bakteria itu selepas berkelah di Lata Bayu, Baling dekat sini bersama dua lagi rakannya baru-baru ini.

Katanya, dua rakan mangsa yang positif bakteria terbabit kini dirawat di Hospital Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

“Dua lagi yang turut dijangkiti ialah pengunjung yang berkelah di Taman Rekreasi Puncak Janing, Kuala Nerang dekat sini dan mereka sedang dirawat di Hospital Kuala Nerang,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurutnya, berikutan itu, tiga kawasan perkela-



KERATAN Kosmo! 11 Julai 2010.

utama di negeri ini ditutup untuk sementara bagi mengelakkan penularan wabak di kawasan tersebut.

Kawasan terbabit ialah Taman Rekreasi Puncak Janing di Kuala Nerang, Taman Rekreasi Lata Bayu (Baling) dan Taman Rekreasi Bukit Wang (Kubang Pasu).

Marzhuki berkata, pihaknya kini telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan menghantar pasukan penyiasat untuk mengambil sampel air dan tanah di hutan lipur terbabit.

Katanya, hasil ujian yang dijalankan turut mengesah-

kan Puncak Janing dan Lata Bayu positif dicemari bakteria *Leptospira*.

“Pihak kami meminta jabatan perhutanan daerah agar segera menutup sementara kawasan peranginan tersebut untuk kerja-kerja pem-

bersihan dan pencegahan,” katanya.

Beliau turut menasihati penduduk sekitar kawasan terdedah wabak berkenaan agar tidak menggunakan air dari sumber air bukit untuk kegunaan harian.

Ini jelasnya, air itu dikhawatiri dijangkiti bakteria berbahaya itu.

Pada Julai lalu, enam daripada 83 anggota operasi dan penyelamat meninggal dunia selepas dijangkiti bakteria *Leptospira* selepas mencari mayat seorang mangsa lemas di Lubuk Yu, Maran, Pahang. - Bernama



INILAH kawasan perkelahan Lata Bayu, Baling yang menyaksikan seorang kakitangan Jabatan Kesihatan Pulau Pinang maut akibat jangkitan air kencing tikus.